

LANGKAH-LANGKAH PENGGUNAAN ICT KE ARAH ICT HIJAU

PERINGKAT PEROLEHAN

Dalam memastikan ICT Hijau di agensi sektor awam dilaksanakan secara konsisten, perolehan produk ICT hendaklah mempunyai spesifikasi ciri-ciri ICT hijau seperti berikut:

- (i) Penjimatan penggunaan tenaga elektrik;
- (ii) Pengeluaran karbon yang rendah;
- (iii) Pengeluaran haba yang rendah;
- (iv) Penggunaan bahan toksik yang minimum seperti dakwat pencetak (*ink*) dan *toner*;
- (v) Komponen di dalam produk tersebut yang boleh diguna semula; dan
- (vi) Produk atau sistem ICT yang boleh meningkatkan prestasi mesra alam untuk kegunaan bukan ICT seperti *energy control systems*, *environmental monitoring system* di dalam bangunan dan lain-lain yang berkaitan.

Produk ICT ini hendaklah mendapat pengiktirafan sebagai *green* (hijau), *eco-friendly*, *energy star* dan yang berkenaan dari peringkat negara atau antarabangsa. Produk ICT ini hendaklah mendapat pengiktirafan sebagai *green* (hijau), *eco-friendly*, *energy star* dan yang berkenaan dari peringkat negara atau antarabangsa.

PERINGKAT PENGGUNAAN

Bagi pembudayaan penggunaan ICT Hijau, agensi hendaklah melaksanakan langkah-langkah amalan seperti berikut:

(a) Komputer peribadi dan Komputer riba

- (i) Tidak menggunakan atau mengaktifkan *screen saver*. Ini disebabkan penggunaan *screen saver* akan menggunakan jumlah tenaga yang sama dengan penggunaan skrin yang aktif;
- (ii) Memastikan monitor dalam keadaan *standby/ hibernate* selepas 5 minit tidak aktif;
- (iii) Memastikan kemudahan *power management* untuk komputer peribadi dan komputer riba diaktifkan;
- (iv) Memastikan komputer ditutup dan suis dimatikan serta plug komputer dicabut dari soket elektrik apabila tidak digunakan untuk jangka masa panjang. Ini untuk mengelakkan arus elektrik masih aktif dalam sistem pendawaian menerusi plug komputer yang tidak dimatikan dan dicabut;
- (v) Menggantikan monitor *Cathode Ray Tube* (CRT) dengan monitor *Liquid Crystal Display* (LCD). Ini adalah kerana penggunaan LCD boleh menjimatkan 30% hingga 50% tenaga elektrik berbanding CRT;
- (vi) Menimbangkan penggunaan saiz monitor yang bersesuaian kerana saiz monitor yang besar akan menggunakan tenaga elektrik yang lebih; dan
- (vii) Menimbangkan penggunaan Teknologi *Thin Client* di mana ia dapat mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan kos penyelenggaraan.

(b) Pencetak

- (i) Mengaktifkan kemudahan *duplex* dan mode draf pada pencetak sebagai *default*. Ini adalah untuk menjimatkan penggunaan kertas dan dakwat pencetak;
- (ii) Mengaktifkan kemudahan *power-saving sleep mode* pada pencetak (jika ada);
- (iii) Mengurangkan bilangan pencetak *stand-alone* dengan pewujudan pencetak rangkaian yang dapat dikongsi bersama oleh penjawat awam;
- (iv) Mengawal dokumen yang berkenaan sahaja untuk dicetak;
- (v) Menimbangkan kawalan mencetak di pencetak rangkaian berdasarkan ID pengguna;
- (vi) Memastikan supaya penggunaan kertas secara optimum; dan
- (vii) Mengurangkan penggunaan bahan seperti riben, kertas dan *toner*.

(c) Pelayan (Server)

- (i) Mengoptimumkan penggunaan server dengan melaksanakan kaedah konsolidasi menerusi teknologi *virtualisation*;
- (ii) Memastikan server-server yang tidak aktif penggunaannya hendaklah *shut down* dan suis dimatikan; dan
- (iii) Menimbang penggunaan *Keyboard, Visual Display Unit, Mouse* (KVM) kepada server-server bagi mengurangkan jumlah tenaga elektrik yang diperlukan dan haba yang dihasilkan oleh monitor.

(d) Aplikasi

- (i) Menggandakan penggunaan perkhidmatan *online* ke arah pengurangan penggunaan kertas dan bahan cetak;
- (ii) Mempertingkatkan penggunaan kemudahan e-mel untuk berkomunikasi tanpa kertas bagi tujuan rasmi sahaja;
- (iii) Mempertimbangkan kemudahan penggunaan saluran baru untuk mendapatkan maklum balas dan aduan secara rasmi; dan
- (iv) Mempertingkatkan pembangunan aplikasi *online* yang menggantikan proses kerja secara manual.

PERINGKAT PELUPUSAN

Produk ICT yang perlu dilupuskan hendaklah mengikut tatacara yang digariskan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 “Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan” dan mengambil kira pemuliharaan alam sekitar serta amalan hijau sama ada ianya masih boleh diguna pakai (*reuse*) dan dikitar semula (*recycle*).